

Keputusan PRK Tanjung Piai amaran kepada PH

BH-24/11/2019 m/d: 2

Kos sara hidup antara punca dikenal pasti dalam mesyuarat bedah siasat

Oleh Mohd Azis Ngah dan Suhaila Shahrul Annuar
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Keputusan Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Tanjung Piai adalah amaran kepada Pakatan Harapan (PH) yang membentuk Kerajaan Persekutuan, bahawa banyak perkara yang dilakukan tidak disenangi rakyat, terutama berkaitan kos sara hidup.

Rumusan itu hasil bedah siasat keputusan PRK Tanjung Piai dibentangkan pada Mesyuarat Majlis Presiden PH di sini, semalam yang dipengerusikan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Mengumumkan demikian, Dr Mahathir yang juga Pengerusi PH merangkap Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) berkata, faktor lain menyumbang kepada kekalahan itu adalah tuduhan terhadap parti dalam pakatan berkenaan yang menyebabkan orang Melayu dan Cina tidak berpuas hati.

“Mesyuarat hari ini (semalam) adalah khas berkenaan keputusan PRK Tanjung Piai. Kita semua sedar bahawa keputusan buruk ini sebagai satu amaran kepada parti kita. Banyak perkara yang kita lakukan tidak disenangi rakyat, terutama kos sara hidup dan macam-macam lagi.

“Selain itu (faktor lain) adalah tuduhan PH dikuasai DAP sepenuhnya yang mana itu pan-



Dr Mahathir pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Presiden PH di Putrajaya, semalam. (Foto Luqman Hakim Zubir /BH)

dangan orang Melayu. Orang Cina pula memandang bahawa DAP diperkuda oleh Dr Mahathir dari BERSATU, yang menunjukkan kedua-dua pihak (Melayu dan Cina) tidak puas hati.

“Kita tidak boleh puaskan hati semua orang, tetapi dalam situasi sekarang, orang tidak puas hati kerana kita bersikap adil kepada kedua-duanya. Kita telah dengar taklimat bedah siasat ini dan akan ambil ingatan mengenai teguran yang dibuat, tapi saya tidak bolehlah cerita kepada wartawan,” katanya.

Beliau yang memberitahu demikian pada sidang media selepas mesyuarat berkenaan, berkata semua pimpinan parti dalam PH juga mengakui, mereka tahu kesalahan masing-masing dan apa yang perlu dilakukan.

“Masing-masing (parti komponen) tahu kesalahan masing-masing dan kita ambil tindakan untuk atasinya. Umumnya, kita dapat boleh duduk bersama dalam Majlis Presiden ini dan boleh berbincang dengan fikiran waras.

“Tiada tuduh-menuduh dan kita kesat dilemparkan kepada sesiapa. Masing-masing mengaku kesalahan masing-masing dan beri cadangan untuk mengatasinya,” katanya.

Ditanya sama ada kekalahan PH juga disebabkan gagal menunaikan manifesto dijanjikan, Perdana Menteri memaklumkan, ada perkara yang patut diambil tindakan oleh kerajaan menerusi menteri dan ada yang perlu diambil tindakan oleh komponen PH.

“Kadangkala ada perpecahan, tetapi perpecahan tidak pernah berlaku pada peringkat kepimpinan. Mungkin ahli-ahli biasa rasa tidak puas hati dan tidak tahu perkara sebenar, seterusnya membuat teguran.

“Kita amalkan kebebasan bersuara, jadi kita tidak boleh tutup mulut mereka (ahli parti komponen). Apa yang kita boleh buat, beri penerangan mengenai apa yang berlaku sekarang. Mereka juga boleh suarakan masalah dalam jawatankuasa masing-masing,” katanya.

ing,” katanya.

Mengenai cadangan rombakan Kabinet sebelum penganjuran Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di Malaysia tahun depan seperti diumumkan Rabu lalu, Dr Mahathir berkata, semua kemungkinan boleh berlaku jika ada keperluan berbuat demikian.

“Kita kena tengok semua sentimen. Ini kerajaan lima parti (komponen PH), bukan senang nak tukar kerajaan,” kata Perdana Menteri lagi.

Selain BERSATU, pakatan berkenaan turut dianggotai PKR, DAP dan Parti Amanah Negara (AMANAH), manakala Parti Warisan Sabah (WARISAN) adalah parti mesra PH.

Ditanya sama ada Ketua Umum PH merangkap Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim turut berada dalam senarai Kabinet baharu nanti, Perdana Menteri menegaskan: “Saya belum buat keputusan, (tetapi) semua ada kemungkinan”.

Anwar kemudian mencelah dengan berkata: “Saya tidak minta”.

Dr Mahathir yang menafikan dakwaan rombakan akan dibuat dalam tempoh terdekat, menjelaskan mesyuarat Majlis Presiden PH semalam juga tidak membincangkan isu berkenaan, namun sambil berseloroh berkata, pemimpin komponen tidak membantah.

“Mereka tak bantah. Mereka kata jangan tukar saya,” katanya sambil disambut gelak ketawa pemimpin PH yang ada.

Perdana Menteri turut ditanya isu pertemuan sulit 22 Ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) dan PKR dengan Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali yang juga Timbalan Presiden PKR pada 18 November lalu, namun menegaskan, beliau tidak perlu memberi penjelasan.